

MEMO

KEPADA	:	KETUA PENGARAH MPC
MELALUI	:	Lee Wan Wei Pengurus
DARIPADA	:	Aiman Zakwan Zahari Penolong Pengurus
TARIKH	:	1 Disember 2020
PERKARA	:	PERMOHONAN KELULUSAN PEROLEHAN PEMBAYARAN YURAN PENYERTAAN DALAM PLUGFEST2.0 DISEBABKAN KELEWATAN RO

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

1. Untuk makluman YBhg. Dato, program *Plugfest* dijalankan dengan tujuan untuk menggalakkan pelaksanaan dan pengadaptasian *Industry4.0* di dalam industri dan syarikat terutamanya dalam sektor pembuatan dan elektrik dan elektronik dengan tema *Artificial Intelligence Based Machine Vision System*. Antara *outcome* program adalah penghasilan projek *Proof of Concept (POC)* hasil pembelajaran mereka dalam program tersebut.

2. Bagi program *Plugfest 2.0*, program ini akan melibatkan penyertaan sebanyak 25 syarikat kecil dan sederhana (SME) dengan kos RM6,000 (RM6,360 termasuk 6% SST) dengan kos keseluruhan sebanyak RM159,000.

3. Penyertaan kesemua pusat teknologi dan syarikat ini adalah ditaja oleh MPC selaras inisiatif di bawah Nexus Produktiviti Elektrik dan Elektronik (EENP) bagi menggalakkan pembangunan industri dalam permulaan perjalanan mereka dalam *Industry4.0*. Bagi tujuan ini, kami telah melantik Penang Skills Development Centre (PSDC) sebagai rakan kerjasama dalam pelaksanaan program latihan ini.

4. Untuk makluman YBhg Dato, Pihak EEPN telah mengisi Borang Permohonan Perolehan pada 19 Ogos 2020 dan 15 Oktober 2020. Walaubagaimanapun, pembayaran tidak dapat dilakukan kerana masalah-masalah teknikal. Justeru, satu mesyuarat telah diadakan pada 26 November 2020 yang dihadiri oleh En Mohd Yazid Majid, Pengarah MSF serta wakil Unit Kewangan dan Perolehan bagi membincangkan perkara tersebut. Mesyuarat tersebut membuat keputusan untuk pihak EEPN mengisi semula RO untuk tujuan proses perolehan dan pembayaran dilakukan, lantas menyebabkan RO diisi selepas tarikh akhir yang ditetapkan.

5. Dengan ini, kami ingin memohon pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan dan pembayaran yuran penyertaan kepada PSDC bagi program *Plugfest2.0* sepertimana yang dijelaskan di atas.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,



Aiman Zakwan
Penolong Pengurus
EEPN/PGD

Disokong oleh,



Lee Wan Wei
Pengurus
EEPN/PGD

Diluluskan oleh,



Dato Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia